NAMA: _____ **KELAS: _____**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2, 2024

PENGAJIAN AM
KERTAS 3
(Dua Jam)

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PERIMBUN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi 3 bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A, satu soalan di bahagian B, manakala 2 soalan di bahagian C.*

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam bahagian A, B dan C. Mulakan setiap jawapan pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka.

Ikat helaian jawapan anda bersama-sama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap soalan dan bahagian soalan diberikan dalam tanda kurungan [ ].

Kertas soalan ini mengandungi 80 markah.

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1-15	
Bahagian B	
16	
17	
Bahagian C	
18	
19	
20	
JUMLAH	

BAHAGIAN A
[15 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Yang manakah dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia?
I. Memperjuangkan hak negara-negara Selatan
II. Menekankan penyelesaian konflik scara rundingan
III. Menjaga hubungan dengan negara yang sama ideologi
IV. Mengutamakan hubungan dengan negara-negara Utara

A. I dan II C. II dan III
B. I dan IV D. III dan IV

2. Corak kepimpinan Tunku Abdul Rahman berbentuk
A. Pro-barat dan anti komunis
B. Pro-komunis dan anti barat
C. Anti barat dan anti komunis
D. Pro-barat dan pro komunis

3. Pengisyhtiharan 'Zon Aman, Bebas dan Berkecuali' oleh ASEAN bertujuan untuk
A. Menjadikan Asia Tenggara Zon Bebas senjata nuklear
B. Menyelesaikan pertikaian di Asia Tenggara secara rundingan
C. Mengelakkan campurtangan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara
D. Menjamin pertumbuhan dan kestabilan ekonomi di Asia Tenggara

4. Yang manakah agensi PBB yang berperanan mentadbir sesebuah negara yang sedang mengalami peralihan kuasa?
A. Majlis Amanah
B. Majlis Keselamatan
C. Majlis Hak Asasi Manusia
D. Majlis Perhimpunan Agung PBB

5. Yang manakah menunjukkan matlamat utama Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)?
A. Memajukan ekonomi negara ASEAN
B. Memupuk perpaduan dalam kalangan negara Islam
C. Membantu dan menyokong masyarakat Palestin yang ditindas
D. Menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah negara-negara lain

6. Yang manakah pendirian Malaysia tentang isu hak asasi?
I. Memberikan bantuan ketenteraan kepada Lubnan
II. Mengesan pengujian senjata nuklear oleh Korea Utara
III. Menyokong proses pilihanraya demokrasi di Myanmar
IV. Memberikan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Palestin

A. I dan II C. II dan IV
B. I dan III D. III dan IV

7. Yang manakah tujuan Malaysia mengutarakan Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) dalam persidangan antarabangsa?
A. Untuk menangani isu keganasan antarabangsa
B. Untuk mewujudkan perdagangan bebas dan adil
C. Untuk mengawal masalah perubahan iklim yang drastik
D. Untuk meningkatkan hubungan diplomatik antara kerajaan

8. Apakah faedah yang diperoleh Malaysia dengan menganggotai Kumpulan Lapan Negara Membangun?

A. Pemindahan teknologi industri automobil
B. Penurunan kadar kemiskinan dan buta huruf
C. Peningkatan kemasukan pelaburan langsung asing
D. Perluasan peluang baharu perdagangan

9. Penjelasan kepada salah tanggapan terhadap agama Islam dilakukan oleh Malaysia dalam

A. Mesyuarat Asia-Eropah
B. Sidang Kemuncak Asia Timur
C. Dialog Antarabangsa Langkawi
D. Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel

10. Yang manakah yang memperlihatkan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa?

A. Menyertai pasukan pengaman di Afghanistan
B. Menjadi Naib Presiden bagi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
C. Memberikan bantuan ketenteraan kepada perjuangan rakyat Palestin
D. Menduduki kerusi tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

11. *Malaysia memberikan bantuan untuk membangunkan keupayaan negara-negara membangun melalui perkongsian pengalaman pembangunan*

Pernyataan di atas merujuk kepada

A. Rancangan Colombo
B. Dialog Antarabangsa Langkawi
C. Program Kerjasama Teknikal Malaysia
D. Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia Malaysia Thailand

12. ** Mengurangkan pembebasan gas karbon dioksida dan gas rumah hijau*
** Mengurangkan pembebasan klorofluorokarbon*

Inisiatif di atas terkandung dalam

A. Protokol Cartagena
B. Protokol Montreal
C. Protokol Madrid
D. Protokol Kyoto

13. Yang manakah isu yang terangkum dalam Protokol Kyoto?

A. Ancaman pencemaran jerebu
B. Pembebasan gas rumah hijau
C. Kekurangan bekalan makanan dunia
D. Keselamatan makanan yang diubah genetic

14. Yang manakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memajukan teknologi hijau?

I. Kos yang tinggi
II. Kurang insentif daripada kerajaan
III. Tiada sumber tenaga yang mencukupi
IV. Teknologi bergantung kepada negara maju

A. I dan III
B. I dan IV
C. II dan III
D. II dan IV

15. Yang manakah tindakan Malaysia dalam usaha mengaplikasikan teknologi hijau?

I. Mengurangkan pergantungan kepada sumber tenaga asli
II. Mengawal operasi kilang dan penggunaan kenderaan bermotor
III. Menggunakan alat teknologi yang membebaskan gas karbon yang rendah
IV. Membangunkan produk yang memberikan kesan minimum terhadap kemerosotan alam sekitar

A. I dan II C. II dan IV
B. I dan III D. III dan IV

BAHAGIAN B

[15 markah]

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

16. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, huraikan sumbangan Malaysia terhadap pengeluaran minyak kelapa sawit dari tahun 2000 hingga tahun 2010. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pengeluaran minyak sawit Malaysia.

MALAYSIA: PENGELUARAN MINYAK KELAPA SAWIT DARI TAHUN 2000 HINGGA TAHUN 2010

NEGARA	Tahun 2000 (**'000 tan**)	Tahun 2005 (**'000 tan**)	Tahun 2010 (**'000 tan**)
Indonesia	7 050	14 100	22 100
Malaysia	10 842	14 962	16 994
Thailand	525	700	1 380
Nigeria	740	800	885
Papua New Guinea	336	310	500
Brazil	108	161	250
Columbia	524	673	753
Lain-lain	1 742	2 246	2 996
JUMLAH	**21 867**	**33 952**	**45 858**

(*Disesuaikan daripada Statistics on Commodities 2011, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komuniti, Putrajaya, Malaysia)*

SOALAN 17

Pendahuluan: Jadual menunjukkan kedudukan pungutan pingat bagi negara-negara terpilih dalam Sukan Olimpik tahun 2016.

BIL.	ISI/ IDEA	HURAIAN
ANALISIS DATA		
1	**JUMLAH MENGIKUT NEGARA -PALING TINGGI/PALING RENDAH-**	**PALING TINGGI – AMERIKA SYARIKAT** • 121 butir pingat atau 27.56% daripada jumlah keseluruhan iaitu 439 butir **PALING RENDAH – JEPUN** • 41 butir pingat atau 9.34% daripada jumlah keseluruhan iaitu 439 butir
2	**JUMLAH MENGIKUT JENIS PINGAT -PALING TINGGI/ PALING RENDAH-**	**PALING TINGGI – EMAS** • 157 butir pingat atau 35.76% daripada jumlah keseluruhan iaitu 439 butir **PALING RENDAH – PERAK** • 132 butir pingat atau 30.07% daripada jumlah keseluruhan iaitu 439 butir
3	**EMAS -PALING TINGGI/ PALING RENDAH-**	**PALING TINGGI – AMERIKA SYARIKAT** • 46 butir @ 29.30% daripada jumlah keseluruhan iaitu 157 butir **PALING RENDAH – PERANCIS** • 10 butir @ 6.37% daripada jumlah keseluruhan iaitu 157 butir
4	**PERAK -PALING TINGGI/ PALING RENDAH-**	**PALING TINGGI – AMERIKA SYARIKAT** • 37 butir @ 28.03% daripada jumlah keseluruhan iaitu 132 butir **PALING RENDAH – JEPUN** • 8 butir @ 6.06% daripada jumlah keseluruhan iaitu 132 butir
5	**GANGSA -PALING TINGGI/ PALING RENDAH-**	**PALING TINGGI – AMERIKA SYARIKAT** • 38 butir @ 25.33% daripada jumlah keseluruhan iaitu 150 butir **PALING RENDAH – PERANCIS** • 14 butir @ 9.33% daripada jumlah keseluruhan iaitu 150 butir
LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH MALAYSIA UNTUK MENINGKATKAN MUTU SUKAN NEGARA		
• Pembangunan bakat di peringkat akar umbi • Menganjurkan dan menyertai kejohanan antarabangsa • Melipatgandakan kempen kesedaran mengenai sukan • Memberi insentif dan pengiktirafan kepada para atlet yang layak		

SOALAN 18

Malaysia menyertai pelbagai pertubuhan di peringkat serantau dan antarabangsa. Huraikan.

BIL.	ISI/ IDEA	HURAIAN
KEBAIKAN MENYERTAI PERTUBUHAN ANTARABANGSA		
1	**PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)**	• Malaysia dapat mempercepatkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi, kemajuan sosial dan kebudayaan negara-negara anggota atau serantau • Melalui ZOPFAN, ASEAN berusaha mengekalkan keamanan dan kestabilan kawasan serantau termasuk Malaysia. Manakala melalui pembangunan kawasan segi tiga pertumbuhan pula Malaysia dapat menikmati pelbagai pembangunan dalam sosio ekonomi dan teknikal.
2	**PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)**	• Membolehkan Malaysia bekerjasama dari segi pendidikan dan kesihatan dengan negara luar ASEAN • Malaysia berpeluang mengikuti lima program utama UNESCO iaitu program pendidikan, sains semula jadi, sains manusia dan sosial, kebudayaan, komunikasi dan maklumat • Malaysia juga bekerjasama dengan pihak WHO untuk meningkatkan taraf kesihatan manusia sejagat termasuk rakyat Malaysia sendiri
3	**PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC)**	• Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) telah memupuk perpaduan antara Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain. • Pada masa yang sama, Malayisia dapat meningkatkan kerjasama antara negara anggota dalam bidang ekonomi, perdagangan, pendidikan dan kebudayaan • Malaysia dapat menganjurkan satu forum yang telah menggabungkan tokoh-tokoh ekonomi, intelektual dan pemimpin ternama dari dunia Islam dan Barat dalam forum Ekonomi Islam Sedunia (WIFE)
4	**KOMANWEL**	• Penyertaan Malaysia dalam Komanwel ialah mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dengan negara-negara merdeka lain yang pernah dijajah oleh Britain • Melalui Komanwel, Malaysia telah mendapat kemudahan dan layanan yang baik daripada Kerajaan Britain terutama untuk pasaran barangan di negara anggota • Malaysia juga berpeluang meningkatkan lagi kepakaran terutama dalam bidang pendidikan di bawah Rancangan Pelajaran Komanwel (Colombo Plan)
5	**PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM)**	• Menyatu negara yang berpegang kepada prinsip berkecuali • Melalui NAM, setiap negara anggota saling menghormati hak asasi manusia, ras, agama dan kedaulatan wilayah negara-negara wilayah negara-negara lain • Setiap negara anggota berusaha menyelesaikan masalah pertelingkahan antarabangsa. NAM juga berusaha membela kedudukan kaum wanita dan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam pelbagai sektor

SOALAN 19

Meskipun Malaysia berada di tempat kedua selepas Singapura dalam Laporan Daya Saing Ekonomi Global bagi Negara-negara Membangun Asia 2016-2017, namun Malaysia harus berusaha untuk meningkatkan keupayaan secara global dalam pelbagai bidang ekonomi. Huraikan.

BIL.	ISI/ IDEA	HURAIAN
BIDANG EKONOMI		
1	**BIDANG PERTANIAN**	● Bidang pertanian bukan sahaja meliputi kegiatan perladangan tetapi juga melibatkan aktiviti penanaman, penternakan dan perikanan. ● Untuk meningkatkan hasil yang lebih besar, Malaysia harus bekerjasama dengan negara luar yang mahir dalam pertanian moden seperti mengadakan latihan petani muda di Jepun dan menjalankan penyelidikan makanan ternakan di Australia. ● Malaysia juga perlu meneruskan setiap tahun Pameran MAHA yang melibatkan lebih 25 buah negara di dunia untuk mengambil bahagian dalam pameran pertanian.
2	**BIDANG PERINDUSTRIAN**	● Bidang perindustrian atau perkilangan meliputi aktiviti pemprosesan dan pembuatan serta kebanyakkannya menggunakan teknologi yang moden. ● Untuk meningkatkan kedudukan Malaysia, hubungan baik dengan negara luar yang maju dalam bidang pembuatan hendaklah diteruskan. ● Sebagai contoh melalui Dasar Pandang Ke Timur, Malaysia telah mempelajari teknologi pembuatan kereta di Jepun.
3	**BIDANG PELABURAN**	● Malaysia hendaklah memastikan keadaan politik negara sentiasa stabil dan hubungan diplomatik dengan negara pelabur sentiasa baik. ● Malaysia harus memastikan aktiviti pelaburan asing berjalan dengan lancar. Hal ini kerana pelaburan merupakan aset penting dalam perkembangan ekonomi. ● Kualiti sumber tenaga kerja dan kemudahan infrastruktur hendaklah dipantau dengan baik agar dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pihak pelabur
4	**BIDANG PELANCONGAN**	● Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan. ● Malaysia hendaklah sentiasa berusaha memberi perkhidmatan pelancongan terbaik. ● Selain itu, keindahan alam semula jadi dan persekitaran seluruh Malaysia haruslah sentiasa dipelihara dan dijaga dengan baik.
5	**BIDANG PEMBINAAN**	● Malaysia mempunyai kepakaran dalam sektor pembinaan. ● Malaysia juga aktif menjadi pelabur di negara luar yang memerlukan kepakaran. ● Sebagai contoh: rakyat Malaysia telah berjaya membina LRT di negara Arab Saudi dan hal ini menguntungkan negara.

SOALAN 20

Meskipun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan manusia sejagat, namun masalah kesihatan rakyat di negara membangun termasuk Malaysia semakin membimbangkan. Huraikan.

BIL.	ISI/ IDEA	HURAIAN
USAHA UNTUK MENINGKATKAN TARAF KESIHATAN MANUSIA SEJAGAT		
1	**MELAKSANAKAN PELBAGAI PROGRAM PENCEGAHAN**	• WHO telah mengadakan pelbagai program pencegahan dan rawatan penyakit berbahaya termasuklah penyakit berjangkit • WHO telah mengkoordinasikan usaha-usaha di peringkat antarabangsa bagi mengawal wabak penyakit epidemik seperti SARS, Malaria dan AIDS
2	**MENGADAKAN KEMPEN KESEDARAN MENGENAI AMALAN HIDUP SIHAT**	• Amalan hidup sihat merangkumi pemakanan dan gaya hidup sihat • Menerusi pemakanan, WHO telah menyarankan pengambilan makanan menerusi piramid makanan seperti mengamalkan pemakanan buah-buahan dan sayur-sayuran yang selamat. Turut dititikberatkan ialah pemakanan yang seimbang, bersih dan selamat • Amalan gaya hidup sihat seperti melakukan aktiviti bersukan secara berkala, belajar untuk menangani stress dan jauhi rokok dan mengambil minuman beralkohol perlu diterapkan
3	**PENGHASILAN VAKSIN**	• WHO telah memberi sokongan kepada pembuatan dan pembahagian vaksin serta ubat farmasi ke negara-negara yang terlibat • WHO memberi kerjasama membuat kajian tentang vaksin yang sesuai untuk merawat penyakit tertentu seperti vaksin COVID-19 dilaksanakan untuk mencegah penularan penyakit ini daripada terus merebak atau mengurangkan risiko kematian akibat wabak ini
PUNCA MASALAH KESIHATAN RAKYAT DI NEGARA MEMBANGUN MASIH MEMBIMBANGKAN		
1	**SIKAP NEGATIF MASYARAKAT**	• Masyarakat terutamanya golongan yang berusia tidak mengambil peduli untuk melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala sekiranya sudah mempunyai sebarang simptom penyakit • Terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak mementingkan kebersihan persekitaran terutamanya tempat tinggal
2	**MASALAH KEPADATAN PENDUDUK**	• Masalah kependudukan yang tinggi di sesebuah negara sering membawa kepada masalah kesihatan • Keadaan yang sesak dan padat telah membawa pelbagai masalah penyakit berjangkit seperti COVID-19. Wabak ini semakin mudah merebak kerana kawasan yang padat akan menyukarkan penjarakan sosial • Kebanyakan negara membangun mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi seperti Thailand 3.1%
3	**INFRASRUKTUR KESIHATAN YANG TIDAK MENCUKUPI**	• Kemudahan kesihatan seperti pusat kesihatan dan perubatan tidak mencukupi bagi menampung jumlah penduduk yang sesebuah kawasan • Masalah lain seperti alatan perubatan yang tidak lengkap/canggih, kekurangan tenaga kerja dalam sektor kesihatan awam dan swasta serta kekurangan dana sering menganggu sistem kesihatan bagi sesebuah negara

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta